

MAHATHIR - MUSA

(1)

1984
KUALA LUMPUR, 25 MEI (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA PEMILIHAN-SEMULA DATUK MUSA HITAM SEBAGAI TIMBALAN PRESIDEN UMNO ADALAH KEPUTUSAN YANG JELAS OLEH AHLI-AHLI PARTI YANG SEPATUTNYA MENYELESAIKAN +KETIDAKPASTIAN+ KEDUDUKAN TIMBALAN PERDANA MENTERI DI DALAM PARTI.

PERDANA MENTERI BERKATA KEKURANGAN ATAU KELEBIHAN DI DALAM BILANGAN MAJORITI UNDI ADALAH TIDAKPENTING TETAPI YANG PENTING ADALAH SOKONGANYANG DITUNJUKKANOLEH PERWAKILAN.

+AHLI-AHLI PARTI TELAH MEHBUAT KEPUTUSAN MEREKA DAN MEREKA TELAH MEMBERIKAN KEPUTUSAN YANG JELAS. TIADA LAGI KETIDAKPASTIAN SEKARANG,+ BELIAU BERKATA MALAH INI KETIKA MENGULASKEMENANGAN DATUK M U S A DENGAN UNDI MAJORITI 243 - KEPUTUSAN LEBIH BAIK DARIPADA PEMILIHAN TAHUN 1981.

DATUK MUSA MENDAPAT 744 UNDI BERBANDINGDENGAN TENGKU RAZALEIGH SEBANYAK 501 DI DALAM PEHILIHAN PARTI YANG KEPWTUSANNYA TELAH DIUMUHKAN PADA PUKUL 8 MALAM INI.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA KIHENANGAN DATUK MUSA BERTEPATAN DENGAN PENDIRIANNYA BAHAWA YANG MEMEGANG JAWATAN SEPATUTNYA DIPILIH SEMULA UNTUK MENGEKALKAN TRADISI PARTI. --LAGI 2335/HM

MAHATHIR - MUSA 2 KUALA LUMPUR

+SAYA GEMBIRA SEKARANG SEGALA-GALANYA TELAH SELESAI.
+PEMILIHAN SEMULA DATUK 'MU84 BERTEPATAN DENGAN PENDIRIAN
SAYA IAITU SEOLAH-OLAHNYA BIARLAH TIDAK ADA PERTANDINGAN,+
BELIAU BERKATA APABILA DITANYA S A N 4 ADA BELIAU GEMBIRA D E N G A N
HASIL KEPUTUSAN-KEPUTUSAN TERSEBUT.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA KEMENANGAN DATUK MUSA BUKAN
SAHAJA TELAH DIDUGA OLEH BELIAU SEORANG SEPERTI TANDA-TANDA
MENUNJUKAN +I A T E L A H DIJANGKA OLEH KEBANYAKAN ORANG+.

+SAYA TIDAK MEMIKIRKAN BERKENAAN MAJORITI YANG DIPEROLEHI
KERANA KEPADA SAYA ITU TIDAKLAH PENTING. - YANG PENTING IALAH
KEMENANGAN ITU.

D X T A N Y A SAMA ADA INI MERUPAKAN PENGAKUAN SOKONGAN PARTI
TERHADAP BELIAU, DATUK SERI OR MAHATHIR MENJAWAB, +SAYA TIDAK
MENGISYTIHARKAN SOKONGAN YANG BANYAK KEPADA DATUK MUSA.+

+SEKIRANYA ORANG L A X N MENJADI TIMBALAN PRESIDEN DAHULU,
SAYA AKAN BERKATA PERKARA YANG SAMA JUGA. TIDAK PENTING SIAPA
Y A N G SEDANG MEMEGANG JAWATAN. +

BELIAU MENASIHATKAN TENGKU RAZALEIGH -DAN DATUK HARUN SUPAYA
MEMBERIKAN PERKHIDMATAN MEREKA K E P A D A PARTI DAN MENUNJUKKAN
KESETIAAN KEPADA UMNO.

+KALAU DATUK M U S A KALAH SAYA AKAN BERIKAN NASIHAT YANG
SAMA,+ TAMBAHNYA .

-- LAGI 2353/AZ

MAHATHIR-MUSA 3 KUALA LUMPUR

KEPADA YANG MENANG, BELIAU MENASIHATKAN MEREKA SUPAYA MELUPAKAN
TERHADAP SEBARANG PERASAAN S A K I T HATI YANG TIMBUL DARIPADA PERMUSUHAN
ITU.

"KITA ADALAH DALAM SATU PARTI DAN OLEH KERANA PERTANDINGAN ADALAH
ANTARA INDIVIDU D A N BUKAN PARTI ATAU PUKA DALAM PARTI, KITA HENDAKLAH
BERGANDING BAHU," DATUK SERI DR MAHATHIR MENEGASKAN.

MENGENAI KEDUDUKAN TENGKU RAZALEIGH DALAM KABINET, BELIAU BERKATA
BELIAU TIDAK MEMIKIRKAN MENGENAI MENGADAKAN PENYUSUNAN SEMULA KABINET
SETAKAT INI DAN BELIAU TIDAK MENEMUI TENGKU RAZALEIGH UNTUK
MEMBINCANGKAN MENGENAI MASA DEPAN BELIAU.

MENGENAI KEDUDUKAN T E N G K U RAZALEIGH SEBAGAI BENDAHARI UMNO,
PERDANAMENTERI BERKATA BELIAU PERLU MEMIKIRKAN DENGAN TELITI SEBELUM
MEMBUAT SEBARANG KEPUTUSAN MENGENAI PERKARA TERSEBUT .

"SAYA BUKAN AHLI NUJUM YANG DAPAT MEMBERITAHU ANDA SEMUA BILA
PENYUSUNAN SEMULA KABINET AKAN DIADAKAN. SAYA PASTI AKAN MEMBUAT
PENYUSUNAN BILA MASANYA TIBA," BELIAU BERKATA APABILA DIDESAK OLEH
PEMBERITA-PEMBERITA SAMA ADA PENYUSUNAN SEMULA KABINET DIADAKAN DALAM
DUA ATAU TIGA MINGGU LAGI. --LAGI 2355/AJ

ZCZC B693

MAHATHIR-MUSA 4 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR MAHATHIR ENGGAN MENGULAS SAMA ADA BELIAU MAHU ATAU
TIDAK TENGKU RAZALEIGH TERUS KEKAL SEBAGAI MENTERI KABINET ATAU
MENGEKALKAN JAWATAN BENDAHARI UMNO

BELIAU JUGA TIDAK FIKIR BAHAWA KEKALAHAN TENGKU RAZALEIGH DALAM
PERTANDINGAN ITU MEMPUNYAI SEBARANG KESAN TERHADAP NEGERI KELANTAN
YANG BOLEH MENYEBABKAN PAS MENDAPAT TAPAK YANG KUAT.

"UMNO DI KELANTAN ADALAH PADU. SAYA TAK FIKIR BAHAWA TANPA TENGKU
RAZALEIGH DAN TENGKU RITHAUDDEEN (YANG HILANG JAWATAN NAIB PRESIDEN)
A K A N M E M P U N Y A I SEBARANG KESAN KEPADA UMNO KELANTAN.

"KITA MESTILAH INGAT BAHAWA ORANG BOLEH BERKHIDMAT KEPADA PARTI
BUKAN SAHAJA MELALUI MAJLIS TERTINGGI UMNO TETAPI JUGA DALAM
CAIN-LAIN JAWATAN." --BERNAMA 2359/AJ